

# PEMUDA AKAN BINCANG ISU2 PENTING

KUALA LUMPUR, Khamis — Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan bersidang Isnin ini untuk membincangkan beberapa isu penting, termasuk menubuhkan jawatankuasa penyelararas mengenai kemiskinan.

Penolong Setiausaha-hanya, Encik Zainal Abidin Husman, memberitahu *Berita Harian*, Encik Anwar Ibrahim selaku Ketua Pergerakan dijangka menumpukan perhatian terhadap masalah itu.

Encik Anwar pernah mengumumkan hasrat Pergerakan itu untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menolong mengatasi kemiskinan.

Isu kemiskinan menarik perhatian umum bila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menyatakan kebimbangannya mengenai jurang perbezaan ekonomi antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Jawatankuasa penyelararas mengenai kemiskinan itu dijangka akan ditubuhkan di setiap Bahagian Pemuda Umno supaya usaha-usaha memerangi kemiskinan dapat dilaksanakan dengan segera.

Laporan-laporan mengenai rapat umum anti Russia dan masalah Palestin, besar kemungkinan akan dibentangkan.

Mesyuarat itu juga dijangka akan membincang mengenai Unit Penyelidikan Ibu Pejabat Umno, dengan harapan ia dapat disusun semula sejajar dengan keperluan semasa.

Ini adalah mesyuarat pertama sejak Encik Anwar dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia